

ITIK EROPAH
Common Teal

FAMILI: Anatidae
NAMA SAINTIFIK: *Anas crecca*

CIRI-CIRI

Individu jantan sub-spesies *A.c.crecca* bersaiz kecil, kepala berwarna coklat gelap dengan sempadan kuning pucat, tompok hijau gelap berkilat yang lebar daripada mata hingga belakang kepala. Bahagian lain berwarna kelabu. Pada bahagian sisi tongkeng terdapat tompok kuning pucat yang disempadani warna hitam. Pada bahagian skapular pula terdapat jalur berwarna putih. Semasa fasa *eclipse*, individu jantan sama seperti individu betina tetapi bahagian atas badan lebih gelap dan lebih seragam. Bahagian bawah badan pula terdapat tanda-tanda hitam. Jalur mata samar atau mungkin tiada. Individu betina hampir sama seperti Itik Garganey, *A.querquedula*, tetapi saiznya lebih kecil, paruh lebih kecil dengan warna jingga pada dasar. Kepala berwarna coklat kekelabuan tanpa corak. Bahagian atas kepala dan jalur merentasi mata adalah lebih gelap. Individu juvenil pula hampir sama seperti individu betina, tetapi bahagian atas badan lebih kosong dan perut mempunyai bintik gelap. Bulu pahat telinga juga berwarna gelap.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah antara 34-38 sm.

HABITAT

Tasik, sungai yang besar, paya dan pelbagai habitat tanah lembap sehingga ke ketinggian 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Individu jantan mengeluarkan bunyi *preep-preep...* manakala individu betina mengeluarkan bunyi *quack* yang nyaring apabila terkejut.

STATUS

Akta 76/72, diperindungi sepenuhnya.